

HIBURAN: MUZIK, NYANYIAN, NASYID MENURUT PERSPEKTIF FIQH DAN FATWA¹

Lukmanul Hakim Hanafi²
Zulkifli Mohamad Al-Bakri³
Raja Raziff Raja Shaharuddin⁴



ABSTRACT

Nowadays, entertainment has become part of human life especially to the Muslim young generation. Entertainment is a need at any time and anywhere such as while driving, at home or during leisure time. However, there is a different opinion regarding entertainment itself. Some of the views opine that it is forbidden either through media or any other medium, and there is also an opinion saying that it is only permissible by medium of nasyid. This article intends to explain and discuss the law or ‘hukm’ of media entertainment either by way of hearing the music, song, nasyid or by manner of singing from fiqh and fatwa perspectives. Documentary research method will be adopted in the study and gathering of information on views from the Islamic perspective with regards to this issue. Outcome of research asserts that

¹ Artikel ini telah ditambah baik setelah dibentangkan di National Seminar on Media and Islamic Thinking (MIST 2009). 21-23 Julai 2009, Hotel Equatorial, Bangi, anjuran Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

² Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia merangkap Penyelaras Seminar Wacana, Ahli Panel Aqidah, Syariah dan Isu Semasa, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD).

³ Karyawan Tamu, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) merangkap Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan dan Negeri Terengganu.

⁴ Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia. merangkap Jaksas Pendamai Negeri Selangor Darul Ehsan.

Islam does not object to music whether in the traditional or modern form as long as it does not transgress with the teachings of Islam. The Fuqaha opine that entertainment is permissible in Islam in so far as it does not contain elements of neglect, badness or forbidden by Islam.

Keywords:

ABSTRAK

Mutakhir kini, hiburan merupakan sebahagian daripada kehidupan manusia, terutamanya umat Islam daripada golongan muda. Di mana juga berada sama ada ketika memandu, di rumah atau ketika waktu lapang pasti hiburan menjadi teman lapangan. Namun begitu, persoalan yang timbul adalah berkaitan dengan hiburan sendiri, terdapat pendapat mengatakan ia haram tidak kira sama ada berhibur melalui media maupun sebaliknya, dan terdapat juga pendapat mengatakan ianya harus jika berhibur dengan irama nasyid sahaja. Artikel ini bertujuan menjelaskan dan membincangkan hukum berhibur melalui media sama ada dengan cara mendengar muzik, lagu, nasyid dan menyanyi dari pandangan fiqh dan fatwa. Metodologi analisa dokumen digunakan bagi meneliti dan memperolehi maklumat berkaitan pandangan Islam akan isu ini. Dapatkan kajian mendapati Islam tidak menghalang sesuatu seni muzik sama ada tradisional atau moden selagi mana ia tidak bercanggah dengan syariat Islam. Fuqaha berpandangan bahawa hiburan dalam Islam adalah harus hukumnya melainkan hiburan itu jelas mendatangkan kelalaian dan keburukan ataupun wujudnya unsur-unsur yang haram dalamnya maka jadilah ia haram.

Kata kunci:

PENDAHULUAN

Agama Islam merupakan agama fitrah bagi manusia. Oleh sebab itulah setiap ajaran yang telah disyariatkan kepada umatnya sudah semestinya bertepatan dan selari dengan fitrah semulajadi mereka. Jika diperhatikan, setiap manusia biasanya akan cenderung kepada hiburan, khususnya terhadap seni muzik. Muzik adalah suatu tuntutan fitrah manusia. Tetapi, untuk memenuhi kehendak naluri manusia ini, tidak semua jenis seni muzik dibenarkan oleh Islam.

Hiburan: Muzik, Nyanyian, Nasyid

Penghayatan muzik berserta penggunaan alat-alat muzik tradisi dan moden adalah sesuatu yang telah berleluasa dalam masyarakat dunia, tidak ketinggalan di negara Malaysia, malah ada golongan yang menjadikan alat muzik sebagai sumber rezeki, baik dengan cara membuat dan menjualnya atau dengan memainkannya. Alat muzik dimainkan dengan pelbagai irama dan rentak. Alat muzik tidak dapat dipisahkan daripada lagu dan nyanyian. Nyanyian pula dilakukan oleh golongan lelaki dan perempuan, dewasa dan kanak-kanak. Seperti alat muzik, ada golongan yang menjadikan lagu dan nyanyian sebagai sumber rezeki, baik dengan cara menyanyikan, mencipta atau mengubah lagu.

Persoalan yang timbul ialah, apakah hukum memainkan alat muzik secara moden dan tradisi iaitu dalam pelbagai irama dan rentak? Apakah hukum nyanyian dalam pelbagai irama, nyanyian dan melodinya? Apakah hukum menyanyi oleh orang dewasa lelaki dan perempuan dalam pelbagai irama dan rentak? Apakah hukum menyanyi oleh kanak-kanak dalam pelbagai irama dan rentak? Apakah hasil yang diperoleh melalui profesion berkaitan muzik dan nyanyian itu halal atau haram?

Dalam persoalan hukum, Institusi yang seharusnya dirujuk ialah Majlis Fatwa Negeri-negeri di Malaysia. Namun demikian, fatwa yang telah dikeluarkan Majlis Fatwa Negeri -negeri tertentu tidak dapat menjawab semua persoalan di atas. Ia hanya menjawab sesetengahnya sahaja.

DEFINISI NYANYIAN, MUZIK DAN NASYID

Seni adalah satu perkataan yang tersendiri, manakala pengertiannya amat luas. Muzik, nyanyian, lagu dan nasyid merupakan sebahagian daripada cabang-cabang seni.

Seni adalah penzahiran rasa indah yang terkandung dalam jiwa manusia yang dilahirkan dengan perantaraan alat komunikasi ke dalam bentuk yang dapat ditangkap oleh panca indera pendengar iaitu seni suara atau seni lukis, atau pun ianya dilahirkan dengan perantaraan gerak sama ada melalui seni tari atau drama (al-Baghdadi t.thh: 13).

Adapun seni muzik (instrumental art) adalah seni yang berkaitan dengan alat-alat muzik dan irama yang keluar dari alat-alat muzik tersebut. Selain itu, seni muzik juga berkaitan cara memainkan instrumen

muzik dan cara membuat not, dari pelbagai aliran muzik. Bentuk seni muzik ini dapat berdiri sendiri sebagai seni instrumental (tanpa vokal) dan dapat juga disatukan dengan seni vokal. Seni instrumental adalah seni yang diperdengarkan melalui media alat-alat muzik.

Sedang seni vokal, adalah seni yang diungkapkan dengan cara melakukan syair atau lirik melalui perantaraan oral (suara saja) tanpa irungan instrumen muzik. Seni vokal tersebut boleh digabungkan dengan alat-alat muzik tunggal (gitar, biola, piano, dan lain-lain) atau dengan alat-alat muzik majmuk seperti band, orkes simponi atau orkestra dan sebagainya. Nyanyian pula ialah seni suara manusia yang keluar dari mulut dengan mempunyai pengertian dan kata-kata yang baik seperti sajak, syair atau lagu yang membawa mesej tertentu di samping dipersembahkan dengan mengawal irama suara dan nada tinggi serta rendah supaya menghasilkan kesedapan dan kemerduan penyampaian sesuatu lagu itu (al-Baghdadi, t.th: 13-14).

Kesimpulannya muzik ialah seni bunyi, dan nyanyian ialah seni suara. Muzik ialah bunyi-bunyian yang menghiburkan dan terhasil dari alatan atau dari satu komponen yang diatur bagi menghasilkan irama yang merdu.

Manakala dalam bahasa Arab, muzik disebut sebagai *al-ma'azif* iaitu jamak dari *mi'zaf*. Dalam kitab al-Muhit, muzik ini diertikan sebagai *al-malahi* (alat-alat muzik dan permainan-permainan), contohnya *al 'ud* (sejenis kecapi), *ath-thanbur* (gitar atau rebab). Sedangkan dalam kitab an-Nihayah diertikan dengan *duf-duf*. Dikatakan pula *al'azif* ertiinya al-mughanni (penyanyi) dan *al-la'ibu biha* (yang memainkannya). Ibnu Qayyim dalam kitab Mawaridul Aman halaman 330 menyatakan bahawa *al-ma'azif* adalah seluruh alat muzik atau permainan, dan ianya tidak diperdebatkan lagi oleh ahli-ahli bahasa (al-Albani t.th: 79).

Imam al-Dhahabi dalam kitab as-Siyar 21/158 dan Kitab al-Tadkirah 2/1337 memperjelas definisi ini dengan mengatakan bahawa *al-ma'azif* mencakupi seluruh alat muzik mahupun permainan yang digunakan untuk mengiringi sebuah lagu atau syair. Contohnya: Seruling, rebab, simpal, terompet, dan lain-lain (al-Albani t.th: 79).

Dalam bahasa Arab, nyanyian itu disebut sebagai '*al- ghina*'. Imam Ahmad Al-Qurtubi menyatakan dalam Kasyf al-Qina': '*al- ghina*' secara bahasa adalah meninggikan suara ketika bersyair atau yang seumpama dengannya. Dalam al-Qamus, *al ghina'* dikatakan

Hiburan: Muzik, Nyanyian, Nasyid

sebagai suara yang diperindah". Imam Ahmad al-Qurtubi melanjutkan bahawa sebahagian dari imam-imam kita ada yang menceritakan tentang nyanyian orang Arab berupa suara yang teratur tinggi rendah atau panjang pendeknya, seperti *al-hida'*, iaitu nyanyian pengiring unta dan dinamakan juga dengan *an-nashab* (lebih halus daripada al hida') (Al-Qurtubi, 1997: 47)

Manakala nasyid bererti lagu-lagu yang biasanya dinyanyikan secara kumpulan yang mengandungi seni kata yang berunsurkan Islam (Kamus Dewan, Edisi 3).

PERSOALAN DAN FITRAH MANUSIA

Sebagai manusia pada hari ini kita tidak dapat lari daripada nyanyian seni muzik, sama ada sewaktu masih kecil tatkala bermain-main bersama rakan-rakan ataupun ketika dewasa iaitu sewaktu menghadapi situasi kegembiraan, kesedihan atau percintaan. Pada hari ini, ia boleh dikatakan mustahil jika dikatakan ada manusia yang tidak pernah berhibur langsung sama ada menyanyi, mendengar nyanyian di media atau persekitarannya.

Bermula dari ibu yang menyanyikan anaknya dengan alunan zikir yang merdu seperti "Lailahaillallah Muhammadul Rasulullah" ketika mengayunkan buaian anaknya dengan harapan anaknya akan tidur dengan tenang. Perbuatan ibu itu termasuk dalam kategori nyanyian secara umum. Kesimpulannya hukum muzik itu atau nyanyian bergantung kepada keadaan dan syarat tertentu yang membuatkan ianya haram atau halal.

Demikianlah juga ketika di bilik air atau ketika memandu, ramai manusia menyanyi secara spontan atau tidak, sama ada menyebut "la,la, la, la, la, " " na na na na nananaaaaa "atau seseorang yang dalam kesedihan sebagai contoh kehilangan ibunya menyanyi dengan lirik perkataan "oh ibu.. kau disiram bayu pagi, kehilangan terasa kini, dan kesepian dan aku bagai purnama gerhana... , atau pun seseorang yang sedang bercinta sekalipun dirinya tidak menyanyi maka dirinya tetap akan tersentuh dengan lagu dan nyanyian dari orang lain terutamanya apabila nyanyian dan muzik (bunyian) itu sangat menggembirakan iaitu ketika di awal percintaan atau pun menyedihkan sehingga mampu membuatkan seseorang itu menangis tatkala putus dari percintaan seperti nyanyian yang berbunyi "Sampainya hatimu,

meninggalkan aku dan kau terus menghilang tanpa berita”. Bukankah lagu dan muzik itu menandakan fitrah manusia dan ianya sangat sebatи dan dekat dengan hati manusia?.

PERSOALAN HUKUM MUZIK DAN NYANYIAN

Maka setelah difahami bahawa lagu dan muzik merupakan fitrah manusia, maka dengan ini wajarlah kita memegang kepada suatu kaedah usul fiqh iaitu: Asal hukum sesuatu itu ialah harus (الأصل بقاء ما كان على ما كان) (Syabir, 2000: 145).

Juga Firman Allah SWT:

أَلْمِرْتُرُوا أَنَّ اللَّهَ سَخَّرَ لَكُمْ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَأَسْبَغَ عَلَيْكُمْ نِعَمَهُ ظَاهِرَةً وَبَاطِنَةً

Maksudnya: “Tidakkah kamu memperhatikan Bahawa Allah telah memudahkan untuk kegunaan kamu apa Yang ada di langit dan Yang ada di bumi, dan telah melimpahkan kepada Kamu nikmat-nikmat-Nya Yang zahir dan Yang batin”

(Luqman: 20)

Islam telah pun sempurna dan syariat Islam yang di bawa oleh Rasulullah SAW telah pun selesai menentukan segala persoalan hukum tanpa perlu di tambah oleh sesiapa pun walaupun oleh para ulama. Dalam hal ini Allah SWT berfirman:

وَلَا تَقُولُوا لَمَا تَصْفُ أَلْسِنَتُكُمُ الْكَذِبَ هَذِهِ حَلَالٌ وَهَذَا حَرَامٌ لَتَفْتَرُوا عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ إِنَّ الَّذِينَ يَفْتَرُونَ عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ لَا يُفْلِحُونَ

Maksudnya, “Dan janganlah kamu berdusta dengan sebab apa yang disifatkan oleh lidah kamu: “Ini halal dan ini haram”, untuk mengada-adakan sesuatu yang dusta terhadap Allah; sesungguhnya orang-orang yang berdusta terhadap Allah tidak akan berjaya”.

(an-Nahl: 116)

Hiburan: Muzik, Nyanyian, Nasyid

Menghalalkan apa yang diharamkan dan mengharamkan apa yang dihalalkan oleh Allah SWT merupakan suatu dosa besar yang hampir menyamai syirik, oleh yang demikian maka dalam penentuan hukum para ustaz dan para ulama diperlukan memiliki kebolehan dan pemikiran yang luas dalam menentukan keputusan supaya tidak melampaui batas tanpa ilmu.

Sabda Baginda Rasulullah SAW: “*Perkara yang Halal itu ialah apa yang dihalalkan oleh Allah dalam kitab (Al-Qur'an) dan apa yang haram itu ialah apa yang diharamkan oleh Allah dalam kitab-Nya dan apa yang didiamkan olehnya maka ianya termasuk apa yang dimaafkan kepada kalian*” (hadith hasan riwayat Tirmidhi: 1726).

Oleh itu, dalam persoalan muzik dan nyanyian ini tiada sesiapa yang dapat menentukan hukumnya baik halal atau haram secara terburu-buru melainkan setelah menilai secara ilmiah hujah-hujah dan dalil-dalil di samping memerhatikan beberapa perkara yang menentukan kehalalan dan keharaman terhadap sesuatu.

Pendapat Fuqaha Mazhab

Antara pendapat mereka ialah:

- i. Imam Abu Haniffa r.a: Beliau tidak suka mendengar nyanyian dan menganggapnya sebagai dosa. Demikian juga mazhab seluruh penduduk Kufah, Ibrahim al-Sya'bi, Hammad, Sufyan al-Thauri dan lain-lain tanpa perselisihan pendapat antara mereka dalam perkara tersebut (Ibnu al-Jawzi, t.th: 229).
- ii. Imam Malik bin Anas r.a: Beliau melarang nyanyian dan mendengar lagu, katanya, “Apabila seseorang membeli hamba sahaya perempuan dan mendapatinya seorang penyanyi, dia boleh memulangkannya kerana dianggap cacat”. Inilah mazhab seluruh penduduk Madinah al-Munawwarah kecuali Ibrahim bin Sa'ad (Ibnu al-Jawzi, t.th: 229).
- iii. Imam al-Syafi'i r.a: Beliau berpendapat bahawa nyanyian adalah makruh bagi orang awam, bahkan dianggap sesuatu yang menjatuhkan maruah. Kerana itu beliau berkata, “ Nyanyian adalah makruh yang sama dengan perkara yang batil. Sesiapa yang banyak melakukannya, dia adalah bodoh-sebodohnya yang tertolak kesaksiannya”. Beliau juga menyatakan dalam bukunya

‘Adab al-Qada’: “Bahawa sesiapa yang sentiasa mendengar nyanyian adalah tertolak kesaksiannya dan terbatal keadilannya” (Ibnu al-Jawzi, t.th: 230).

- iv. Imam Ahmad bin Hanbal r.a: Pendapat beliau diambil berdasarkan riwayat daripada anaknya Abdullah. Kata Imam Ahmad: “Nyanyian menumbuhkan nifaq di dalam hati serta ia tidak menarik minatku” (Ibnu al-Jawzi, t.th: 228).

Tinjauan Fiqh

Kalimah muzik tidak dapat kita temui di dalam al-Quran dan al-Hadith. Walaupun di dalam al-Quran Allah SWT menceritakan kisah Nabi Daud A.S (Al-Quran, al-Nisa’ 4: 163; al-Isra’ 17: 55; al-Nur 24: 10; al-Ma’idah 5: 78; al-An’am 6: 84; al-Anbiya 21: 78; al-Furqan 25: 15) dan Nabi Sulaiman A.S (Al-Quran, al-Baqarah 2: 102; al-Nisa’ 4:123; al-an’am 6: 84; al-Anbiya’ 21: 78; al-Naml 27: 15) yang memiliki mukjizat yang berkaitan dengan seni suara, namun istilah muzik ini gagal ditemui di dalam al-Quran. Dalam khazanah teks (matan) al-Hadith, kalimah muzik sememangnya sukar untuk ditemui. Hanya beberapa kalimah sahaja yang boleh dikaitkan dengan istilah muzik seperti al-ma’azif, al-ghina dan al-mughaniyyah (Ishak Suliaman 2000: 2).

Asal penggunaan istilah muzik dan definisinya dari aspek terminologi adalah dipercayai bahawa kalimah muzik ini berasal daripada bahasa Greek. Kalimah muzik ini dikatakan telah dipinjam penggunaannya oleh orang Islam pada kurun kelapan hingga kesepuluh Hijrah. Memandangkan asal kalimah muzik ini daripada tamadun Greek, maka definisi yang dirumuskan oleh ahli muzikologi dan ahli etnomuzikologi iaitu seni dan sains memadukan bunyi atau nada suara atau bunyi alat bagi membentuk pelbagai pernyataan yang memuaskan emosi, estetika dan struktur bagi sistem kepercayaan yang membentuk asas kepercayaan (Lois Lamya’, 1993: 31).

Daripada definisi tersebut, terdapat tiga ciri utama yang mendasari muzik itu sendiri iaitu:

- i. Bunyi suara atau peralatan.
- ii. Hasilan yang memuaskan emosi dan estetika.
- iii. Memenuhi tujuan tertentu seperti sistem kepercayaan dan sebagainya.

Hiburan: Muzik, Nyanyian, Nasyid

Oleh itu, sekiranya kita mengambil tiga ciri tersebut dan mengaitkannya dengan beberapa bentuk ibadah di dalam Islam, maka akan ditemui contoh-contoh ibadah tersebut dengan begitu mudah sekali. Namun peralatan muzik tidak digunakan terutamanya di dalam ibadah yang berkaitan dengan al-Quran, haji, tahmid dan takbir raya. Manakala di dalam beberapa ibadah seperti azan, berzikir dan berselawat, beberapa peralatan muzik sering digunakan oleh umat Islam. Di antara ibadah Islam yang mempunyai unsur suara, penghasilan yang indah dan mempunyai tujuan tertentu khususnya untuk mencari keredaan adalah seperti berikut:

- i. Bacaan al-Qur'an⁵
- ii. Azan
- iii. Talbiah haji
- iv. Berzikir
- v. Berselawat
- vi. Tahmid/ Takbir hari raya

Walaupun ibadah-ibadah tersebut pada zahirnya terlalu janggal untuk dikaitkan sebutannya dengan muzik, tetapi pada hakikatnya amalan semua itu memiliki ciri-ciri yang sama dengan ciri-ciri istilah muzik. Sekiranya umat Islam tidak terlalu fanatik dengan aspek sebutan muzik yang berkaitan dengan ibadah, maka sudah tentu muzik bukanlah terlalu asing dengan kehidupan umat Islam (Ishak Sulaiman 2000: 4-5; Amini Amir Abdullah 1997: 148-149).

Pada dasarnya sesuatu yang indah itu disukai oleh Allah SWT kerana Dia Zat yang Maha Indah dan suka akan keindahan. Sabda Rasulullah SAW:

⁵ Tajwid bacaan al-Quran yang mengandungi pelbagai hukum bacaan, antaranya Izhar, Idgham, Iqlab dan sebagainya telah membuktikan bahawa al-Quran dibaca dengan menggunakan alunan dan rentak tertentu. Alunan-alunan tersebut menggambarkan bacaan al-Quran adalah sebahagian daripada seni muzik. Terdapat tokoh ulama' yang telah menghubungkaitkan kalimah muzik dengan aspek ibadah antaranya Syeikh Ahmad Hassan al-Baquri, bekas Mufti Mesir. Dalam satu tulisan beliau yang bertajuk "Seni Tajwid Adalah Suatu Muzik al-Quran" telah diterbitkan dalam sebuah majalah Arab yang kemudiannya telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu dan diterbitkan pula dalam majalah al-Manar, keluaran Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Lihat Syeikh Ahmad Hassan al-Baquri (1997), "Seni Tajwid Adalah Suatu Muzik al-Quran", Prof. Madya Wan Yahya Wan Ahmad (Terjemahan), al-Manar, Akademi Pengajian Islam, UM, Edisi Jun 1997, hlm. 114.

(إِنَّ اللَّهَ جَمِيلٌ يُحِبُّ الْجَمَالَ)

Maksudnya, “Allah itu indah, Dia suka akan segala yang indah”

Demikian juga dengan seni muzik yang merupakan satu fitrah keperluan manusia dan ia adalah salah satu bentuk keindahan. Muzik begitu sinonim dengan kehidupan manusia. Naluri manusia sentiasa memerlukan hiburan untuk mencari ketenangan dan kedamaian. Oleh sebab itulah Islam tidak sekali-kali menghalang penganutnya untuk mendapatkan ketenangan melalui seni muzik. Walaupun begitu, seni muzik itu hendaklah mengikut garis panduan dan selari dengan ajaran Islam.

Terdapat dalil yang membuktikan bahawa Nabi SAW pernah memberi keizinan untuk bergembira dan berhibur, antaranya; hadis Aishah R.Anha katanya:

(دَخَلَ عَلَيَّ أَبُو بَكْرٍ وَعِنْدِيْ جَارِيَتَانِ مِنْ جَوَارِيِّ الْأَنْصَارِ تُغْنِيَانِ بِمَا تَقَوَّلَتْ بِهِ الْأَنْصَارُ يَوْمَ بُعَاثَ قَالَتْ وَلَيْسَتَا بِمُغْنِيَتِينِ فَقَالَ أَبُو بَكْرٍ أَمْزَمَارُ الشَّيْطَانِ فِي بَيْتِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَذَلِكَ فِي يَوْمِ عَيْدٍ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَا أَبَا بَكْرَانَ لِكُلِّ قَوْمٍ عِيدًا وَهَذَا عِيدُنَا)

Maksudnya: “Diriwayatkan daripada Aishah R.A. katanya: Aku telah diziarahi oleh Abu Bakar R.A di rumahku. Ketika itu disampingku ada dua orang jariah iaitu gadis dari golongan Ansar sedang mendendangkan syair golongan Ansar pada hari Bu’ath iaitu hari tercetusnya perperangan antara golongan Aus dan Khazraj, Aishah berkata: Sebenarnya mereka berdua bukanlah penyanyi. Abu Bakar R.A berkata: Patutkah ada nyanyian syaitan di rumah Rasulullah S.A.W dan pada Hari Raya pula?, lalu Rasulullah S.A.W bersabda: Wahai Abu Bakar! Sesungguhnya setiap kaum itu mempunyai Hari Raya dan ini adalah Hari raya kita”.

Hiburan: Muzik, Nyanyian, Nasyid

Hadis ini merupakan dalil pertama yang jelas menunjukkan bahawa hukum Islam telah berkembang khususnya yang berkaitan dengan seni muzik apabila realiti umat Islam pada masa itu sememangnya berhajatkan hiburan dan keceriaan khususnya pada masa dan keadaan yang sewajarnya seperti hari raya. Hadith ini juga dengan jelas menunjukkan *Uruf* dan kebiasaan golongan Ansar berhibur melalui seni suara. Nabi S.A.W telah membuktikan kehebatan hukum Islam yang sentiasa berkembang untuk membawa kehidupan umat Islam berlandaskan syariat Islam (Abdul Ghani Samsudin & Engku Ibrahim Ismail, 2001: 10-11)

Di samping itu juga, jawapan baginda SAW dalam hadith tersebut menggambarkan bahawa baginda ingin memberi pengajaran kepada kaum Yahudi bahawa agama Islam memiliki toleransi dan baginda diutuskan membawa agama yang bersih dan mudah (al-Qaradawi, 2002: 29-30).

Jika diimbas kepada sejarah Islam, telah dicatatkan bahawa terdapat beberapa tokoh terkenal yang mahir bermuzik antaranya al-Kindi (809-873M), Khalil Ibn Ahmad (718-786M)⁶, al-farabi (275H-339H/870M-950M)⁷, Safi al-Din 'Abd al-Mu'min (m.1294M)⁸, Shams al-din Muhammad bin Safi al-Din⁹, Abu al-Farj al-Isfahani¹⁰, al-Sarakshi, Mansur bin Thalhah bin Tahir, Thabit bin Qurra, Muhammad bin Zakaria al-Razi, Yunus al-Khatib dan Qusta bin Luqa (Mohamad Kamil & Muhammad b. Yusof, 2008: 105).

⁶ Khalil bin Ahmad dianggap orang pertama menghasilkan kamus muzik yang diterjemahkan berjudul "The Book of Rhythm". Keberkesanan buku beliau telah diperakui dengan menjadikan buku teori muzik al-Khalil sebagai buku teks rujukan kepada semua mahasiswa di seluruh universiti Spanyol.

⁷ Beliau terkenal menerusi karya-karyanya yang diterjemahkan bertajuk "Grand Book on Music" (Kitab al-Musiqi al-Kabir), "Styles in Music" dan "On The Classification of Rhythm".

⁸ Seorang ahli muzik an pencipta teori-teori muzik yang terkenal. Beliau dilahirkan pada 1216 di Urmiya. Beliau meninggal dunia di Baghdad pada 28 safar 693H bersamaan 28 Januari 1294. Lihat C.E. Bosworth et al. (1995), The Encyclopedia of Islam, Volume VIII, Netherland: Leiden E.J Brill. H. 805.

⁹ Beliau juga merupakan ahli yang terulung dalam bidang muzik. Ini jelas kelihatan dalam buku karangannya yang masyhur yang diterjemahkan iaitu 'The Jewels of Arrangement in the Knowledge of the Melodies'.

¹⁰ Beliau terkenal dengan hasil karangannya yang berjudul 'al-Aghani' atau terjemahannya iaitu 'the Grand Book of songs' yang mengandungi sebanyak 21 jilid.

Al-Farabi juga bukan sahaja menguasai bidang teori muzik dalam erti kata muzik sebagai satu ilmu dan seni, malah beliau juga mahir bermain alat-alat muzik di samping menciptanya sendiri (Mohammed Yusoff Hussain et al, 1993: 195). Beliau dikatakan sangat handal bermain muzik sehingga membolehkan seseorang itu terlena mendengar keasyikan alunan muziknya (Estidotmy, Utusan Malaysia, 28 Ogos 2002: 14).

Di sini jelaslah bahawa seni muzik bukanlah suatu yang janggal dalam Islam, malah ia merupakan sebahagian daripada tuntutan agama. Tambahan pula dengan penglibatan tokoh-tokoh ilmuwan Islam dalam bidang muzik menampakkan kewajaran bahawa ia merupakan sesuatu yang diambil berat dan bukannya disisihkan.

Seni Muzik Menurut Perspektif Para Ulama

Seni muzik sering mendapat perhatian para ulama. Sejak dengan ini, keprihatinan ulama telah memberi banyak *input* terutama dalam menangani kebebasan seni muzik yang berleluasa melalui fatwa-fatwa semasa. Persoalan mengenai hukum seni muzik juga telah menimbulkan perselisihan pendapat di kalangan mereka. Hasil jawapan yang diutarakan telah menyebabkan sikap yang berbeza terhadap seni muzik.

Terdapat dua aliran pandangan tokoh-tokoh ulama yang jelas bertentangan dalam menghuraikan hukum Islam yang berkaitan dengan seni muzik:

Pertama: Antara ulama yang memakruhkan dan mengharamkan seni muzik termasuklah Imam Abu Hanifah (m.150 H) (al-Zuhayli 1997: 2664; al-Jaziri 1990: 53; Awang Abdul Aziz bin Juned 2001: 100), Imam Malik(m.179 H) (al-Qurtubi 1993: 38; al-Ghazali 1998: 337; al-Dusuqi 1980: 166), Imam Shaf'i (m. 204 H) (al-Jiziri 1990: 54; al-Khinn et al.2000: 521-522; al-Zuhayli 1997: 2664), Imam Ahmad Ibn Hanbal (m.241 H) (al-Ghazali 1998: 338; Awang Abdul Aziz bin Juned 2001: 15-16; al-Zuhayli 1997: 2664; al-Jaziri 1990: 54), dan Sa'id Hawwa¹¹ (Sa'id Hawwa 1987: 1960; Muhammad Pisol 2000: 106-135). Mereka beranggapan ia

¹¹ Nama beliau ialah Sa'id bin Muhammad bin Hawwa. Dilahirkan pada 27 September 1935 di Syria. Kupasan mengenai seni muzik, sila lihat Sa'id Hawwa (1993), al-Islam, c.2. Qahirah: Dar al-Salam, h. 651.

Hiburan: Muzik, Nyanyian, Nasyid

boleh melalaikan dan membawa kepada perlakuan yang kurang sihat.

Kedua: Ulama yang mengharuskan seni muzik pula secara bersyarat antaranya Imam al-Ghazali (450-505 H) dalam kitab *Ihya' Ulum al-Din*, al-Shawkani (m.1255 H) dalam kitabnya *Nayl al-Awtar*, Sheikh Mahmud Shaltut dalam kitabnya *al-Fatawa*, Dr. Ahamad al-Sharbasi dalam kitabnya *Yas'alunak fi al-Din wa al-Hayah*, Dr. Yusuf al-Qaradawi dalam banyak karyanya seperti *al-Islam wa al-Fann*, *Malamih al-Mujtama' al-Muslim al-Ladhi nanshuduh*, *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam dan Min Huda al-Islam Fatawa Mu'asirah* dan D. Wahbah al-Zuhayli dalam kitabnya *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*.

Menurut Imam al-Ghazali dalam kitab *Ihya' Ulum al-Din*, beliau menjelaskan bahawa tidak ada keterangan yang jelas daripada sunnah Rasulullah SAW yang melarang penggunaan alat-alat muzik. Menurut al-Ghazali, sebahagian alat muzik yang mempunyai bunyi yang baik tidak dilarang, malah ia tidak lebih seperti kemerduan suara burung. Seni muzik yang dilarang kepada umat Islam ialah sekiranya berada di dalam keadaan yang bersekongkol dengan kumpulan peminum arak, perzinaan dan lain-lain perbuatan dosa.

Selain itu, Imam al-Ghazali menegaskan bahawa bermain alat muzik juga mestilah mengikut kaedah-kaedah tertentu sehingga menghasilkan suatu bunyi yang merdu. Dalam hal ini, beliau berpandangan sekiranya mendengar *awtar* (alat kecapi) itu dari orang yang memalukannya dengan tidak mengikut kaedah sehingga menimbulkan suara yang tidak merdu maka ia tetap juga dianggap haram. Menilai kemerduan itu bukanlah *illah* (sebab) pengharamannya, malah *qiyas* (terhadap kemerduan) tersebut hendaklah juga dinilai dan diselidiki kebaikannya secara keseluruhan ataupun mengkaji tentang kerosakan yang ada padanya. Ini jelas menunjukkan bahawa suara itu dibolehkan bukan kerana faktor kemerduan sahaja malah ia tetap menjadi haram sekiranya terdapat unsur-unsur haram yang lain bersamanya (al-Ghazali 1998: 341).

Begitu juga Dr. Yusuf al-Qaradawi telah banyak menganalisis dan menghuraikan persoalan yang berhubung dengan seni muzik berpandukan dalil-dalil naqli dan aqli serta beberapa pandangan para

ulama. Secara umumnya beliau menegaskan bahawa hukum seni muzik pada asalnya adalah harus tetapi ia boleh berubah kepada hukum-hukum lain (al-Qaradawi, 1993: 273-277 & al-Qaradawi, 2000: 264-265).¹²

Berdasarkan pandangan para ulama yang mengharuskan seni muzik secara bersyarat, umat Islam yang mempunyai ruang yang cukup besar untuk memanfaatkan seni muzik. Ini kerana ia bukan sahaja sekadar berhibur malah untuk tujuan-tujuan lain seperti mengeratkan hubungan dengan pencipta, penyampaian mesej bercorak kemanusiaan, nasihat, jati diri, ketuhanan, ketamadunan, patriotisme, kebangsaan, kekeluargaan, isu semasa dan sebagainya. Oleh sebab itulah, Umat Islam pada asasnya tidak dihalang untuk bermain muzik dan menceburkan diri di dalam arena muzik.

Akhirnya penulis menukilkan pendapat Syeikh Muhammad Mutawalli al-Sya'rawi dalam fatwanya berkata: Ulama menetapkan seperti berikut:

- i. Dalam majlis perkahwinan hukumnya dibolehkan.
- ii. Dalam majlis perayaan hukumnya dibolehkan.
- iii. Dalam kerja-kerja berat atau kerja amal yang dibuat hukumnya dibolehkan untuk menghiburkan. (kerja-kerja berat ini seperti para sahabat Rasulullah SAW mengali parit ketika peperangan khandak)
- iv. Dalam peperangan untuk menaikkan semangat peperangan hukumnya dibolehkan.

Setiap yang harus adalah harus, adapun yang membawa kepada nafsu syahwat hukumnya adalah haram (Al-Sya'rawi, 1987: 329).

Keputusan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan dan Panel Kajian Syariah JAKIM

Panel Kajian syariah JAKIM telah mengadakan mesyuaratnya pada 6-8 Ogos 2000 dan memutuskan:

- i. Nyanyian dan seni kata yang memuji Allah dan Rasul atau memuji makhluk Allah atau kepada tanggungjawab atau mengenai sifat bertakwa kepada Allah SWT adalah diharuskan.

¹² Antara perkara-perkara yang menyebabkan perubahan hukum ialah isi kandungan lagu, cara persembahan dan disertai dengan perkara-perkara haram.

Hiburan: Muzik, Nyanyian, Nasyid

- ii. Jika nyanyian secara berkumpulan di antara lelaki dan perempuan sama ada di dalam semua keadaan adalah diharuskan sekiranya tidak bercampur baur di antara lelaki dan perempuan. Kedudukan kumpulan yang terlibat adalah bersebelahan.
- iii. Penyanyi tidak boleh mempersempahkan nyanyian dengan gaya yang memberahikan yang boleh menimbulkan fitnah.
- iv. Penyanyi hendaklah memakai pakaian yang menutup aurat.
- v. Nasyid itu tidak memuji makhluk Allah secara berlebihan.
- vi. Nasyid berbentuk doa adalah harus dan tidak menyalahi hukum syarak.
- vii. Nasyid berbentuk doa tidak boleh disamakan dengan ibadat lain seperti agama Kristian dan Hindu kerana doa-doa itu merupakan sebahagian daripada ibadat mereka, sedangkan nasyid di dalam Islam sama ada berbentuk doa dan sebagainya lebih bertujuan untuk memberi nasihat.

Berdoa dalam bentuk nasyid adalah makruh dan tidak digalakkan berdasarkan hadith nabi S.A.W:

إِيَّاكُمْ وَالسَّجَعُ فِي الدُّعَاءِ حَسْبٌ أَحَدُكُمْ أَنْ يَقُولُ اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ
الْجَنَّةَ وَمَا قَرُبَ إِلَيْهَا مِنْ قَوْلٍ وَعَمَلٍ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ النَّارِ وَمَا قَرُبَ إِلَيْهَا
مِنْ قَوْلٍ وَعَمَلٍ. (التحاف الصادقة المتقين: ٢٤٩)

Maksudnya, “Awasilah kamu daripada bersajak dalam berdoa, cukuplah bagimu berdoa seperti berikut. Maksudnya Ya Allah sesungguhnya aku memohon kepadamu syurga dan yang mendekatkan kepadanya dari ucapan dan amalan. Aku mohon berlindung denganmu dari api neraka dan yang membawa hampiri kepadanya dari ucapan dan amalan”.

Hujah, Dalil dan Asas-Asas Pertimbangan

Hukum berkaitan dengan muzik dan nyanyian:

Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal agama Islam Malaysia dalam persidangannya kali ke 2 pada 2-3 Mei 1981 telah membincang isu ini dan membuat keputusan seperti berikut;

- i. Nyanyian yang seni katanya baik, tidak lucah, tidak biadab dan tidak mendorong kepada maksiat, tidak bercampur gaul antara lelaki dan perempuan dan tidak membawa kepada fitnah adalah harus.
- ii. Jika nyanyian seni katanya tidak baik, lucah, biadab mendorong kepada maksiat, bercampur gaul lelaki dan perempuan, maka nyanyian itu adalah haram.
- iii. Pancaragam yang melalaikan, hukumnya haram.
- iv. Mendengar nyanyian dan pancaragam adalah harus dengan syarat seni katanya baik, tidak lucah, tidak biadab, tidak bercampur lelaki dan perempuan dalam keadaan yang tidak menimbulkan fitnah; dan
- v. Menyanyi untuk menimbulkan semangat jihad adalah harus.

Manakala Mesyuarat panel Kajian Syariah JAKIM ke 17 telah membincangkan Kertas Garis Panduan Muzik, Nyanyian dan Lagu Menurut Pandangan Islam dan memutuskan seperti berikut:

Muzik:

- i. Sebarang bentuk muzik yang menimbulkan gerak-geri liar, lucah serta membawa kepada kelalaian yang sia-sia adalah haram.
- ii. Nyanyian dan seni kata yang memuji Allah dan Rasul atau memuji keindahan makhluk Allah atau kepada tanggungjawab atau mengenai sifat bertakwa kepada Allah SWT adalah diharuskan.
- iii. Jika nyanyian secara berkumpulan di antara lelaki dan perempuan sama ada dalam semua keadaan adalah diharuskan sekiranya tidak bercampur gaul di antara lelaki dan perempuan. Kedudukan kumpulan yang terlibat adalah bersebelahan.
- iv. Penyanyi tidak boleh mempersesembahkan nyanyian dengan gaya yang memberahikan yang boleh menimbulkan fitnah.
- v. Penyanyi hendaklah memakai pakaian yang menutup aurat.

Kesimpulannya rakaman lagu-lagu nasyid berbentuk doa adalah tidak dilarang oleh Islam kerana ia memenuhi kriteria:

- i. Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Perenggan 4.1.1 (a) iaitu: Nyanyian yang seni katanya baik, tidak lucah, tidak biadab dan

Hiburan: Muzik, Nyanyian, Nasyid

tidak mendorong kepada maksiat, tidak bercampur gaul antara lelaki dan perempuan dan tidak membawa kepada fitnah adalah harus

- ii. Keputusan Mesyuarat Panel kajian Syariah sebagaimana yang dinyatakan dalam Perenggan 4.1.2. (ii), (iii), (iv), (v) di atas iaitu:
 - a) Nyanyian dan seni kata yang memuji Allah dan rasul atau memuji keindahan makhluk Allah atau kepada tanggungjawab atau mengenai sifat bertakwa kepada Allah SWT adalah diharuskan.
 - b) Jika nyanyian secara berkumpulan di antara lelaki dan perempuan sama ada dalam semua keadaan adalah diharuskan sekiranya tidak bercampur baur di antara lelaki dan perempuan. Kedudukan kumpulan yang terlibat adalah bersebelahan.
 - c) Penyanyi tidak boleh mempersesembahkan nyanyian dengan gaya yang memberahikan yang boleh menimbulkan fitnah.
 - d) Penyanyi hendaklah memakai pakaian yang menutup aurat.
 - e) Tidak memuji Makhluk Allah berlebihan (bermaksud tidak terkeluar daripada syarak).

FATWA NEGERI-NEGERI DI MALAYSIA

Terdapat lima buah negeri yang telah mengeluarkan fatwa mengenai kes berkaitan alat muzik dan nyanyian. Negeri-negeri berikut ialah:

Fatwa Kerajaan Negeri Pahang

Jawatankuasa Fatwa Agama Islam Negeri Pahang telah mengeluarkan fatwa berkaitan dengan penubuhan pasukan pancaragam kawad sekolah dalam mesyuaratnya yang diadakan pada 14 April 1997. Teks fatwanya adalah seperti berikut:

- i. Nyanyian seni kata yang baik, tidak lucah, tidak biadab dan tidak mendorong kepada maksiat, tidak bercampur gaul lelaki dan perempuan dan tidak membawa kepada fitnah adalah hukumnya harus.

- ii. Jika nyanyian seni katanya tidak baik, lucah, biadab dan mendorong kepada maksiat, bercampur gaul lelaki dan perempuan dan membawa kepada fitnah adalah hukumnya haram.
- iii. Pancaragam yang melalaikan adalah haram.
- iv. Mendengar nyanyian dan pancaragam adalah harus dengan syarat seni katanya baik, tidak lucah, tidak biadab dan tidak mendorong kepada maksiat, tidak bercampur aduk lelaki dan perempuan dan tidak menimbulkan fitnah dan tidak melalaikan dari melakukan ibadat fardu dan kewajipan harian.
- v. Menyanyi untuk menimbulkan semangat jihad adalah hukumnya harus; dan
- vi. Pakaian hendaklah menutup aurat dan bersopan.

Fatwa Kerajaan Negeri Kelantan

Jemaah Ulamak Majlis Agama Islam Negeri Kelantan telah mengeluarkan fatwa mengenai penubuhan pasukan Brassband. Fatwa ini telah dikeluarkan dalam kertas mesyuarat bilangan 6/3/95. Fatwanya adalah seperti berikut:

Setelah membuat kajian dengan berpandukan nas syarak, mesyuarat bersetuju membuat keputusan sebagaimana berikut:

- i. Tiada halangan dari segi syarak tentang cadangan penubuhan pasukan Brassband di sekolah-sekolah jika konsep dan pelaksanaannya tidak berlawanan dengan hukum syarak.
- ii. Walau bagaimanapun penggunaan alat-alat muzik dari jenis tiupan dan alat-alat bertali adalah haram hukumnya. Ini berdasarkan pendapat-pendapat ulamak yang dipetik dari kitab-kitab yang muktabar, antaranya kitab 'al-Fiqh al-Islami wa adillatuh' juzuk 3, karangan Dr . Wahbah al-Zuhaili, halaman 574 (menyalin teks kitab) maksudnya: adapun alat-alat muzik maka menurut pendapat yang masyhur dari empat mazhab (Hanafi, Maliki, Syafie dan Hambali) haram menggunakan alat-alat hiburan seperti gambus, biola, gitar, drum, serunai, rebab dan lain-lain dari semua alat jenis bertali dan seruling dan juga serunai. Barang siapa yang selalu mendengarnya gugurlah hak kesaksiannya. Sabda Rasulullah

Hiburan: Muzik, Nyanyian, Nasyid

SAW yang bermaksud: “akan terjadi di kalangan umatku golongan yang berseronok dengan arak, daging babi, pakaian sutera dan muzik”.

Menurut lafaz lain pula: “Sesungguhnya akan ada di kalangan umatku mereka yang meminum arak di mana mereka memanggilnya dengan suatu nama lain, tergantung dari bahagian atas kepala mereka irama muzik, lalu Allah menenggelamkan mereka ke dalam bumi serta menjadikan sebahagian mereka kera dan babi”.

Fatwa Kerajaan Negeri Terengganu

Jawatankuasa Syariah Negeri Terengganu telah mengeluarkan satu fatwa berkenaan alat-alat muzik yang berbunyi:

- i. Tiada sesuatu alat yang ditegah dan begitu juga sebaliknya.
- ii. Hukum menggunakan alat-alat itu hanya tertakluk kepada suasana dan keadaan menggunakannya.
- iii. jika alat muzik itu digunakan untuk tujuan maksiat dan di dalam majlis tari menari umpamanya atau untuk melalaikan dan sebagainya maka tidak syak lagi penggunaan alat itu adalah haram dan ditegah.
- iv. jika penggunaan alat muzik itu bukan kerana maksiat dan bukan kerana menaikkan nafsu umpamanya, maka haruslah digunakannya.

Fatwa Kerajaan Negeri Kedah

Jawatankuasa Fatwa Kerajaan Negeri Kedah telah mengeluarkan fatwa mengenai pemakaian alat-alat muzik yang bersifat tradisi atau moden. Minit mesyuarat Jawatankuasa Fatwa No. 5/93 bertarikh 30 Januari 1993 telah merumuskan seperti berikut:

“Yang masyhur di dalam mazhab-mazhab yang empat (al-Hanafiyyah, al-Malikiyyah, al-Shafiyyah dan al-Hanabilah) penggunaan alat-alat muzik yang membangkitkan rasa suka, duka atau keberahanian seperti ud, gibus, biola, piano, gendang, seruling, serunai dan lain-lain alat yang bertali adalah haram kerana alat-alat ini membangkitkan rasa suka, duka, keberahanian, kelazatan dan menghalang dari berzikir kepada Allah SWT dan sembahyang dan membinasakan

wang ringgit dan ada diriwayatkan bahawa imam Malik dan golongan al-Zahiriyyah dan juga segolongan dari ahli sufi mengharuskan dengan nyanyian yang disertakan dengan ud, serunai dan seruling dan ini adalah pandangan sekumpulan para sahabat R.Anhum seperti Abdullah bin Umar, Abdullah bin Jaafar, Abdullah bin al-Zubir, Muawiyah, Amru bin al-As dan lain-lain dan juga pendapat segolongan dari kalangan tabi'in seperti Sa'id bin al-Musayyib.

Pandangan Jawatankuasa adalah harus mengguna alat-alat muzik sama ada bersifat tradisi atau moden, mendengar, menghadiri majlis muzik dan mempelajarinya selagi tiada disertai dengan perkara-perkara haram, tiada berlaku di tempat-tempat hiburan yang disertai dengan arak, judi, perempuan-perempuan penyanyi dan pelayan tari-menari dan lain-lain pekerjaan kefasikan selama tidak melalaikan dari kewajipan-kewajipan khusus, kewajipan agama seperti solat.

Pandangan ini diselaraskan dengan pendapat seorang faqih yang dikenali dengan warak dan takwa iaitu al-Shaykh Abd al-Ghani al-Nablusi al-Hanafi yang menjelaskan di dalam risalahnya "Idah al-Dilalat fi Sama' al-Alat" bahawa hadis-hadis yang berhujah dengannya oleh golongan yang mengharamkan muzik di atas fardu ianya soheh, semuanya berkait dengan tempat-tempat hiburan (al-Malahi). Artis penyanyi-penyanyi, pelayan-pelayan perempuan dan kefasikan dengan itu hukum mendengar suara, mendengar alat-alat muzik apabila disertai dengan sesuatu yang diharamkan atau dijadikan dari sebagai alat atau wasilah bagi perkara haram atau dilakukannya di dalam tempat-tempat haram adalah haram. Jika tidak, maka ianya adalah harus, harus hadir mendengar dan mempelajari, wallahu a'alam.

Fatwa Kerajaan Negeri Perlis

Jawatankuasa Fatwa Agama Islam Negeri Perlis telah mengeluarkan fatwa berkaitan dengan nyanyian dan muzik. Fatwa ini telah dikeluarkan dalam mesyuarat pada 13 Mac 1988 dan 8 Oktober 1989.

i. Hukum Nyanyian

Hukum nyanyian pada dasarnya harus jika sekiranya tidak diiringi oleh alat muzik yang diharamkan, di samping ianya mempunyai seni kata yang baik boleh membawa kepada kebaikan terhadap individu Muslim dan masyarakat. Adapun nyanyian yang ada

Hiburan: Muzik, Nyanyian, Nasyid

dalam bentuk sekarang mengandungi irungan alat muzik yang diharamkan oleh syarak, penyanyinya mendedahkan aurat, seni kata yang membawa kelalaian dan pergaulan yang melanggar batas syarak.

ii. Hukum Muzik dan Nyanyian

Alat-alat yang diharuskan oleh syarak' yang berlandaskan kepada hadis yang sahih adalah seperti berikut:

- a) Sejenis alat yang dinamakan duff
- b) Gegendang (Tibelon)
- c) Yang lain tidak diharuskan oleh syarak
- d) Al-Ma'azif dan alat-alat muzik yang tergolong di dalamnya.

Keputusan:

- i. Al-Ma'azif ialah alat-alat bunyian yang digunakan dalam seni muzik.
- ii. Alat-alat muzik yang diharuskan mengikut hadis-hadis Rasulullah S.A.W adalah seperti berikut:
 1. Sejenis alat nyanyian yang dipanggil duff
 2. Sejenis alat nyanyian yang dipanggil tabla
- iii. Manakala alat-alat yang lain seperti istilah al-ma'azif yang dimaksudkan di dalam hadis ialah mizmar, 'ud, rebab, gitar dan seumpamanya.

Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam

Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam adalah sebagai menjawab kepada soalan yang dikemukakan oleh Kementerian Pendidikan negara tersebut berkaitan jenis peralatan muzik yang dibolehkan atau sebaliknya bagi kegunaan sekolah supaya terhindar daripada perkara-perkara yang bertentangan dengan hukum syarak.

Soalan ini telah dijawab dalam satu penulisan setebal 127 halaman dalam 'Fatwa Mufti Kerajaan: Islam dan Muzik" yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri Negara Brunei Darussalam, Mei 2001: 2-3.

Fatwa ini telah membahagikan alat-alat muzik kepada yang dipukul seperti gendang dan rebana, yang dipetik seperti kecapi, gambus, gitar dan biola dan ditiup seperti seruling, serunai dan trompet.

Fatwa ini telah merumuskan hukum alat-alat ini terbahagi kepada dua:

- i. Yang diharuskan syarak iaitu alat-alat yang dipukul.
- ii. Yang diharamkan syarak iaitu alat-alat yang ditiup dan dipetik.

Rumusan fatwa adalah seperti berikut:

- i. Menggunakan alat-alat muzik yang dilarang oleh syarak maka kedudukan muzik itu adalah haram.
- ii. Menggunakan alat-alat muzik yang diharuskan oleh syarak maka kedudukannya adalah harus seperti memukul ghirbal (sejenis rebana) sewaktu pernikahan.
- iii. Bermain alat muzik yang harus, namun telah bercampur dengan perkara-perkara yang haram seperti nyanyian-nyanyian cinta asmara, bercampur lelaki dan perempuan, disertai dengan arak, judi dan sebagainya. Para Ulama telah bersepakat menghukumkan bermain alat muzik dalam keadaan seperti ini adalah haram.

KESIMPULAN

Alhamdulillahlah, setelah penulis meneliti dan mengamati dalil, pandangan ulama, fatwa-fatwa dari pihak yang bertanggungjawab dan lain-lain, maka dapat disimpulkan berdasar senario muzik pada hari ini, sebilangan masyarakat Islam di Malaysia khususnya, telah menganggap bahawa nasyid adalah satu-satunya seni muzik Islam, manakala yang selainnya adalah tidak Islamik. Oleh sebab itulah mereka menolak seni muzik moden kerana dikatakan haram di sisi agama Islam. Tanggapan ini masih berlaku dan sekiranya keadaan ini berterusan tanpa ada usaha untuk memurnikan fahaman tersebut, maka umat Islam akan ketinggalan dalam dunia hiburan. Malah akan ada sebahagian mereka yang lain yang terus beranggapan bahawa agama Islam mengongkong penganutnya untuk berhibur sedangkan Islam tidak akan menghalang sesuatu seni muzik sama ada tradisional atau moden selagi tidak bercanggah dengan syariat Islam.

Seni muzik itu tidak haram pada zatnya tetapi haramnya disebabkan oleh faktor-faktor lain yang ada bersama-sama dengannya. Oleh itu, sesuatu pelaksanaan yang berkait dengan seni muzik seperti masa persembahan, cara penyampaian, suasana tempat persembahan

Hiburan: Muzik, Nyanyian, Nasyid

harus diambil kira. Dalam hal ini, Imam al-Ghazali telah menjelaskan bahawa terdapat tiga kriteria penting yang mempengaruhi hukum seni muzik iaitu 'zaman' (masa), 'makan' (tempat), dan 'ikhwan' (aktiviti) (al-Ghazali 1998: 1976).

Jika diperhatikan seni muzik pada hari ini, sudah pasti banyak perkara yang perlu diperbaiki. Untuk mencapai tujuan ini, kita tidak semestinya mencipta atau mewujudkan satu seni muzik baru. Akan tetapi, kita seharusnya mengislamisasikan seni muzik yang dikatakan bercanggah dengan syariat agar selaras dengan tuntutan syarak. Dengan kata lain, kita hendaklah menyediakan satu mekanisme baru dengan perancangan yang teliti untuk menaikkan martabat seni muzik ke arah yang lebih baik dan dapat mendatangkan kesan positif kepada manusia. Dengan ini, kita tidak hanya menghukum sahaja, malah kita telah menyediakan satu bentuk alternatif baru dalam dunia hiburan untuk dinikmati oleh masyarakat Islam seluruhnya.

Islamisasi seni muzik bukanlah perkara baru dalam Islam kerana ia telah pun berlaku pada zaman Rasulullah SAW iaitu ketika baginda mengiktiraf seni muzik kaum Ansar sepetimana hadith yang telah disebutkan sebelum ini. Sikap toleransi dan keterbukaan Rasulullah SAW terserlah setelah membenarkan dua orang gadis dari golongan Ansar untuk menyanyi walaupun mendapat sedikit teguran daripada Abu Bakar R.A pada peringkat awalnya. Ini menjadi bukti bahawa Islam mengiktiraf seni muzik kaum lain selagi ia tidak bercanggah dengan syariat Islam. Pengiktirafan tersebut, secara tidak langsung menunjukkan bagaimana Rasulullah SAW telah mengislamisasikan seni muzik kaum Ansar (al-Qaradawi, 2002: 29-30)¹³.

Menerusi Islamisasi Seni Muzik ini, aktiviti dan pekerjaan seperti konsert, mendengar muzik, menyanyi, persembahan muzik oleh artis sama ada lelaki atau perempuan dan aktiviti seni hiburan yang lain masih lagi di beri peluang untuk meneruskan aktiviti mereka iaitu dengan memastikan agar semua etika tidak bertentangan dengan syariat Islam. Sebagai contoh, persembahan oleh artis wanita yang diadakan secara tertutup yang dihadiri oleh golongan wanita sahaja. Di sini tidak timbul masalah aurat dan pergaulan. Namun begitu apa yang penting ialah lagu yang disampaikan hendaklah mempunyai lirik yang baik dan bermatlamat ke arah yang lebih positif.

¹³ Menurut Dr. Yusof al-Qaradhawi, agama Islam memiliki sikap toleransi dan baginda SAW diutuskan untuk membawa agama yang bersih dan mudah.

Akhirnya, kami suka mengambil pendapat dan kata-kata Prof. Dr. Yusof al-Qaradhawi sebagai renungan untuk semua aktiviti seni muzik hiburan iaitu “setiap pendengar muzik sebenarnya merupakan orang yang paling mahir dalam menentukan hukum seni muzik, sekiranya nyanyian tersebut terdapat unsur yang menaikkan syahwat, mendorong ke arah kejahatan, menjadi lalai dan leka untuk mengerjakan ibadah, maka menjadi kewajipan atas setiap pendengar untuk menjauhinya dan menutup pintu fitnah itu demi memelihara dirinya dan agama”, (al-Qaradhawi 1993: 273-277; al-Qaradhawi 2000: 492-494; Utusan Malaysia 2005).

RUJUKAN

- Abdul Ghani Samsudin dan Engku Ibrahim Ismail. 2001. *Seni Dalam Islam*. Selangor: Intel Multimedia and Publication.
- Al-Albani, Syeikh Nashiruddin. T.th. *Da'if al-Adab al-Mufrad*.
- Al-Albani, Syeikh Nashiruddin. 2001. *Tahrim Alat Tarb*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-'Asqalani, Ahmad bin Ali bin Hajar. 1998. *Fath al-Bari bi Sharh Sahih Bukhari*. Qahirah: Dar al-Hadith.
- Al-Baghdadi, Abdulrahman. T.th. *Seni Dalam Pandangan Islam*.T.th.
- Al-Baquri, Syeikh Ahmad Hassan. 1997. *Seni Tajwid Adalah Suatu Muzik al-Quran*. Prof. Madya Wan Yahya Wan Ahmad (Terjemahan). *Al-Manar*. Akademi Pengajian Islam, UM. Edisi Jun 1997.
- Al-Faruqi, Lois Lamya. 1993. *Shari'ah Tentang Muzik dan Ahli Muzik*, dalam Isma'il R. Al-Faruqi *Fikiran Dan Budaya Islam*. Masood Rashid (Terjemahan), Kuala Lumpur: DBP.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad.1998. *Ihya' 'Ulum al-Din*. Qahirah: Maktabah Misr.
- Al-Jawziah, Syaikh Ali Hasan. T.th. *Muntaqa Nafis min Talbis Iblis*. Dar al-Khair.
- Al-Jaziri, Abdurrahman Muhammad A'wad. 1360H. *al-Fiqh 'Ala al-Madzahib al-Arba'ah*. Al-Mansoura: Dar Alghad al-Jadid.

Hiburan: Muzik, Nyanyian, Nasyid

- Al-Nawawi, Abu Zakariyya bin Sharaf. 1999. *Sharh Sahih Muslim*. Dimashq: Dar al-Khair.
- Al-Qaradawi, Yusuf. 2002. *Seni dan Hiburan Dalam Islam*. Muhammad Baihaqi (Terjemahan). Kuala Lumpur: al-Hidayah Publishers.
- Al-Qaradawi, Yusuf. 1993. *Malamih al-Mujtama' al-Muslim al-Ladhi nanshuduh*. Qahirah: Maktabah wahbah.
- Al-Qaradawi, Yusuf. 1993. *Min Huda al-Islam Fatawa Mu'asirah*. Juz. 2. Mansurah: Dar al-Wafa.
- Al-Qarani, Dr. Aidh bin Abdullah. 2006. *Kitab al-'Azamah*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publisher.
- Al-Qazwayni, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Yazid. T.th. *Sunan Ibn Majah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Qurtubi, Ahmad. 1997. *Kasyful Qina'*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Amini Amir Abdullah. 1997. *Konsep Seni Dalam Islam*. Dalam Hj Ahmad Fauzi Hj Morad et al. *Tamadun Islam*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Al-Sya'rawi, Syeikh Muhammad Mutawalli. 1987. *al-Fatawa al-Kubra*. Kaherah: Maktabah al-Turath al-Islami.
- Al-Tirmizi, Muhammad Isa Abu Isa. 1980. *Sunan al-Tirmizi*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Zuhaili, Dr. Wahbah. 1997. *al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuh*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Dewan Bahasa Dan Pustaka .1999. *Kamus Dewan*, Edisi 3. Kuala Lumpur.
- Estidotmy, Utusan Malaysia, *Al-Farabi Guru Falsafah Tersohor*. Ruangan Saintis Islam. 28 Ogos 2002. Edisi Ketujuh.
- Ishak Suliaman. 2000. *Perkembangan Baru Dalam Seni Muzik Di Malaysia Dan Pengaruhnya Terhadap Hukum*. (Kertas Kerja Seminar Hukum Islam Semasa III).
- JAKIM, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. T.th. *Himpunan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. Putrajaya: JAKIM.:

- Mohammed Yusoff Hussain et al. 1993. *Isu-Isu Dalam Usuluddin dan Falsafah*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Kamil Hj. Ab. Majid dan Muhammad Bin Yusof. 2008. *Ke Arah Memperkasakan Islamisasi Seni Muzik Sebagai Satu Alternatif*. Bangi: UKM.
- Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri setia Hj Awang Abdul Aziz bin Juned. 2001. *Fatwa Mufti Kerajaan, Islam Dan Muzik*. C.2. Brunei: Jabatan Mufti.
- Sa'id Hawwa. 1987. *Hazih Tajribati Wa Hazih Shahadati*. Qahirah: Maktabah Wahbah.
- Syabir, Muhammad Uthman. 2000. *al-Qawaaid al-Kulliyyah wa al-Dawabit al-Fiqhiyyah*. Cet 1. Dar al-Furqan.
- Utusan Malaysia. 2005. *Pas Tidak Sensitif Anjur Hiburan Menjelang Ramadhan*. 19 September 2005.